

**NUR AZRIN** Mohammed Mohayaddin  
**ADNAN** Jusoh  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**PERALIHAN PENTADBIRAN JEPUN KEPADA THAILAND DAN  
KESANNYA TERHADAP GOLONGAN ELIT MELAYU DI KEDAH,  
1943-1945**

***THE TRANSITION OF JAPANESE ADMINISTRATION TO THAILAND  
AND ITS IMPACT ON THE MALAY ELITE IN KEDAH, 1943-1945***

Artikel ini memfokuskan tentang peralihan pentadbiran Jepun kepada Thailand dan kesannya terhadap golongan elit Melayu di Kedah, 1942-1945. Skop artikel ini merangkumi zaman pentadbiran Jepun di Kedah dan setelah Jepun menyerahkan kembali pentadbiran Kedah kepada Thailand pada 18 Oktober 1943 hinggalah tamatnya kekalahan Jepun pada tahun 1945. Setelah itu, Thailand secara sukarela menyerahkan semula pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Utara kepada pihak British pada 15 Ogos 1945. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk menghasilkan artikel ini dengan menganalisis sumber primer seperti fail-fail kerajaan, surat khabar, peta, dokumen dan lain-lain. Hasil kajian mendapati perubahan pentadbiran Jepun dan kerajaan Thailand di Kedah telah memberi kesan terhadap golongan elit Melayu di Kedah. Kedudukan Sultan tidak diiktiraf melainkan hanya dijadikan sebagai simbol agama kepada rakyat. Begitu juga dengan golongan elit yang lain, kebanyakan mereka melarikan diri kerana tidak mahu bekerjasama dengan Jepun. Setelah pentadbiran diserahkan kepada kerajaan Thailand, kedudukan elit Kedah tidaklah sukar jika dibandingkan dengan zaman pentadbiran Jepun. Kuasa pentadbiran dikembalikan kepada pentadbiran awam. Montri Spa diwujudkan dan kuasa Sultan sebagai ketua negeri dikembalikan. Kerajaan Thailand hanya bertindak untuk meneruskan apa yang telah dilakukan oleh pihak British dengan nasihat dari seorang penasihat Thailand yang ditempatkan di Kedah. Segala yang dibincangkan di dalam mesyuarat serta keputusan yang diambil perlu diminitkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera di Bangkok. Kesimpulannya, perubahan pentadbiran dari Jepun kepada Thailand di Kedah telah memberi kesan secara langsung terhadap golongan elit Melayu.

**Kata kunci:** *Kedah, Pentadbiran, Jepun, Thailand, Elit Melayu.*

*This article focuses on the transition of Japanese administration to Thailand and its impact on the Malay elite in Kedah, 1942-1945.*

*The scope of this article covers the era of Japanese administration in Kedah and after Japan handed over Kedah administration to Thailand on 18<sup>th</sup> October 1943 until the end of Japanese defeat in 1945. Later, Thailand voluntarily handed over administration in the Northern Malay States to the British on 15<sup>th</sup> August 1945. Qualitative methods were used to produce this article by analyzing primary sources such as government files, newspapers, maps, documents and others. The results of the study found that the changes in the Japanese administration and the Thai government in Kedah have affected the Malay elite in Kedah. The position of the Sultan is not recognized unless it is used as a religious symbol for the people. Similarly, with other elites, most of them fled because they did not want to cooperate with Japan. After the administration was handed over to the Thai government, the position of Kedah's elite was not difficult compared to the Japanese administration. Administrative power was returned to the public administration. Montri Spa was created and the power of the Sultan as head of state was restored. The Thai government only acted to continue what the British had done with the advice of a Thai adviser stationed in Kedah. Everything discussed in the meeting and the decisions taken should be minute to the High Commissioner of the Army in Bangkok. In conclusion, the change of administration from Japan to Thailand in Kedah has had a direct impact on the Malay elite.*

**Keywords:** *Kedah, Administration, Japan, Thailand, Malay Elite.*

## **Pengenalan**

Kedudukan Kedah yang strategik serta berjiran dengan negara Thailand menyebabkan Kedah dijadikan laluan kepada tentera Jepun untuk menakluki Tanah Melayu. Justeru, bagi merealisasikan matlamatnya, kerajaan Jepun telah menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan Thailand pada 21 Disember 1941. Sebagai imbalannya Jepun berjanji untuk menyerahkan empat buah Negeri-negeri Melayu Utara Tanah Melayu dan dua buah negeri Shan kepada Thailand sekiranya kerajaan Thailand membantu Jepun dengan memberi laluan masuk ke Tanah Melayu. Penaklukan Jepun ke atas Tanah Melayu telah menyebabkan terjadinya perubahan dari pentadbiran British kepada pentadbiran tentera Jepun. Tempoh pentadbiran Jepun telah berlaku selama lebih kurang tiga tahun lapan bulan. Namun bagi negeri Kedah, tempoh pentadbiran Jepun berkurang kerana Jepun menyerahkan negeri Kedah kembali kepada kerajaan Thailand atas dasar perjanjian yang telah termeterai. Bermula dari 18 Oktober 1943, negeri Kedah secara rasmi telah ditadbir oleh kerajaan Thailand.

Umumnya dalam kehidupan bermasyarakat, wujudnya kumpulan kecil yang dikenali sebagai elit iaitu golongan yang berpengaruh serta mempunyai kedudukan dalam suatu masyarakat, mempunyai kebolehan serta keupayaan tertinggi. Dalam konteks negeri Kedah, golongan elit mempunyai fungsi yang penting di dalam masyarakat kerana mereka boleh mempengaruhi kerajaan dan masyarakat melalui penyebaran idea yang diilhamkan. Bahkan golongan elit juga mampu untuk mempengaruhi tingkah laku sesuatu masyarakat walaupun mereka ini tiada kuasa sebagai pemerintah. Masyarakat memandang golongan elit kerana kekuasaan, kedudukan, ilmu pengetahuan serta keistimewaan yang dimiliki oleh golongan ini. Perubahan pentadbiran yang berlaku antara Jepun dengan kerajaan Thailand telah memberikan kesan kepada elit Melayu di Kedah yang akhirnya membawa kepada kesedaran untuk berkerajaan sendiri. Kesedaran ini membuatkan golongan elit mula mendekati rakyat seterusnya meraih sokongan sehingga dapat diterima dari lapisan paling bawah. Objektif artikel ini adalah untuk membincangkan perubahan pentadbiran Jepun kepada Thailand dan kesannya terhadap golongan elit Melayu di Kedah dari tahun 1943 hingga 1945.

## Latar Belakang

Negeri Kedah mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi sejarahnya dan merupakan sebuah negeri yang tertua rantau ini. Sejarah juga telah memperlihatkan negeri Kedah sebagai sebuah negeri yang tertua berbanding dengan negeri-negeri yang ada di Asia Tenggara.<sup>1</sup> Sistem perikatan politik yang dilaksanakan oleh Kedah sejak ribuan tahun adalah sebab mengapa Kedah masih wujud sehingga ke hari ini jika hendak dibandingkan dengan negeri-negeri lebih besar dan berkuasa. Melalui sistem perikatan, negeri-negeri yang lebih kecil akan memberi sembah kepada negeri besar yang berkuasa agar mendapat pertolongan jika diserang oleh kuasa asing. Sembahan ini selalunya diberikan dalam bentuk pemberian ufti yang akan dihantar mengikut waktu dan keadaan<sup>2</sup>. Penghantaran ini pada awalnya adalah bertujuan sebagai hadiah kepada kerajaan Siam atas kelahiran puteranya dan diteruskan setiap kali kerajaan Siam memperoleh putera.<sup>3</sup>

Hubungan antara negeri Kedah dengan kerajaan Siam telah terjadi pada awal abad ke-17 ekoran dari tindakan Kedah yang telah memohon bantuan dari kerajaan Siam berhubung dengan kerajaan Aceh yang berkeinginan untuk menguasai kerajaan Kedah sekali gus mengawal aktiviti perdagangan di perairan Selat Melaka.<sup>4</sup> Sehubungan dengan itu, secara tidak langsung Kedah telah berada di bawah naungan Siam dan dikehendaki untuk menghantar Bunga Emas serta Bunga Perak kepada Siam setiap tiga tahun sekali.<sup>5</sup> Kerajaan Siam melihat penghantaran Bunga Emas dan Bunga Perak ini sebagai tanda ketuanan mereka kepada Kedah<sup>6</sup> sebaliknya bagi kerajaan Kedah, penghantaran Bunga Emas dan Bunga Perak itu adalah sebagai tanda

persahabatan dan permuafakatan dengan Siam. Tradisi penghantaran Bunga Emas dan Bunga Perak antara Kedah dan kerajaan Siam berakhir pada 1909<sup>7</sup> apabila satu perjanjian ditandatangani di antara kerajaan Siam dengan pihak British yang dikenali sebagai Perjanjian British-Siam 1909.<sup>8</sup> Melalui perjanjian ini, Kedah tidak lagi menjadi negeri naungan Siam, sebaliknya kuasa pentadbiran telah berpindah ke tangan pihak British sepenuhnya pada 9 Julai 1909. Setelah berlakunya perubahan kuasa, dua buah Bunga Emas dan Bunga Perak yang telah pun siap dibuat untuk diberi kepada kerajaan Siam telah diberikan kepada kerajaan British. Bunga Emas itu adalah setinggi lima kaki, mempunyai empat dahan, 270 daun, setiap daunnya adalah tiga inci panjang dan satu inci lebar serta mempunyai 13 bunga yang berbentuk seperti bunga mawar. Manakala Bunga Perak mempunyai 278 daun, yang setiap satunya berukuran tiga inci panjang dan setengah inci lebar dengan 17 bunga.<sup>9</sup>

### **Gambar 1 Replika Bunga Emas dan Bunga Perak dari Muzium Negeri Kedah**



Sumber: Lembaga Muzium Kedah 2022

Semasa pentadbiran British di negeri Kedah, penasihat British W.G. Maxwell telah berjaya menambat kesetiaan golongan elit Melayu walaupun sukar pada mulanya, golongan elit telah diberi ganjaran ekonomi serta jawatan di dalam pentadbiran yang dijalankan. Berbanding pada tahun 1909 yang hanya terdapat 10 orang pegawai Eropah di dalam perkhidmatan awam seperti polis, profesional, bahagian kewangan serta di Pejabat Penasihat British, jumlah ini meningkat kepada 39 orang pegawai Eropah menjelang 1936. Justeru itu, Tunku Ibrahim yang memegang jawatan sebagai Pemangku Raja sangat cakna

mengenai situasi ini. Beliau dengan tegas mengatakan:


*“European officers will be appointed or seconded to the Kedah service only after reference to the State Council and with Your Excellency’s concurrence but I would ask that after they have been appointed they should be regarded as Kedah officers for the time being and should be expected to wear the Kedah white uniform in accordance with the rule in force in Kedah. This will not apply to the adviser.”*

Perkara ini dilaksanakan di Kedah untuk memastikan penguasaan orang Melayu ke atas pentadbiran negeri serta mengekalkan identiti negeri Kedah.<sup>10</sup> Kesannya wujudlah sekumpulan golongan elit baru iaitu golongan sekular British dan Melayu selain dari golongan elit sedia ada yang terdiri daripada golongan istana dan bangsawan Kedah. Ini disebabkan oleh sistem pendidikan baharu yang dibawa oleh pihak British.<sup>11</sup>

Seterusnya semasa Perang Pasifik atau Perang Dunia II, Perdana Menteri Thailand Plaek Phibunsongkhram telah bersetuju untuk menjadi negara bersekutu Jepun setelah Jepun menyerang selatan Thailand pada 7 Disember 1941.<sup>12</sup> Kerajaan Thailand perlu bersetuju dengan kata dua yang diberi oleh Jepun sekiranya tidak ingin berperang dengan Jepun. Perubahan nama dari Siam kepada Thailand berlaku pada tahun 1939 oleh kerajaan Phibun yang bermaksud negara orang bebas. Phibun mahu menjelmakan Siam tradisional menjadi Thailand yang moden.<sup>13</sup> Antara perkara yang ditawarkan di dalam ultimatum tersebut ialah; *Pertama*, laluan bebas diberikan kepada tentera Jepun bagi digunakan untuk menyerang Burma. *Kedua*, perjanjian pertahanan antara Bangkok dan Jepun perlu dimeterai dan dipersetujui. *Ketiga*, Thailand perlu bersetuju untuk menjadi sekutu dengan Jepun bagi menentang kuasa Amerika Syarikat dan British. *Keempat*, Thailand akan diberi perlindungan oleh Jepun sekiranya diancam.<sup>14</sup> Perdana Menteri Thailand turut bersetuju untuk menjadi rakan subahat Jepun kerana mendapat berita akan kekalahan Perancis kepada Jerman.<sup>15</sup> Pada 21 Disember 1941 satu perjanjian telah ditandatangani oleh Phibun dengan duta Jepun di Bangkok iaitu Tsubokami yang dinamakan Perjanjian Thai-Jepun 21 Disember 1941. Sebagai timbal balik terhadap perjanjian tersebut, pihak Jepun berjanji untuk membantu kerajaan Thailand mendapatkan kembali empat buah Negeri-negeri Melayu Utara iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu serta dua buah negeri Shan, Mong Pan dan Kengtung yang telah diserahkan kepada British menerusi Perjanjian British-Siam 1909.<sup>16</sup> Thailand melihat perjanjian ini menguntungkan kerajaannya serta dapat mengukuhkan lagi kuasa Khana Rad iaitu rejim baharu di bawah sistem demokrasi yang baru diperkenalkan oleh Perdana Menteri Phibun.

Sehubungan dengan perjanjian ini, Jepun telah menyerang Tanah Melayu bermula dengan Pekan Changlun pada 12 Disember 1941<sup>17</sup> dan seterusnya Alor Setar pada 13 Disember 1941.<sup>18</sup>

## Peta : Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu



Sumber: Mohd Isa Othman 1992

Jepun pada dasarnya mahu menjadikan Tanah Melayu sebagai salah sebuah tanah jajahannya dan sudah mempunyai perancangan pentadbiran yang akan dilaksanakan. Dasar Doko-Shori-Yaryo yang diperkenalkan telah meletakkan kedudukan Sultan di setiap negeri Tanah Melayu sebagai tidak penting dan menjadikan baginda sebagai rakyat di bawah pentadbiran Maharaja Jepun. Ini bermakna kedudukan golongan elit semasa pentadbiran Jepun tidak diiktiraf namun ia berubah pada September 1942, apabila Sultan telah diiktiraf tetapi kuasa Sultan hanya terhad sebagai ketua agama Islam dan bukan ketua negeri.<sup>19</sup>

Pentadbiran Jepun di Kedah hanya berlangsung selama dua tahun setengah kerana Perdana Menteri Jepun, Jeneral Hedeki Tojo telah membuat pengumuman pada 15 Jun 1943 kepada anggota Dewan Perwakilan untuk mengembalikan semula Negeri-Negeri Melayu Utara dan dua wilayah di negeri Shan kepada Thailand.<sup>20</sup> Seterusnya Kedah telah ditukar kepada 'Syburi' apabila kerajaan Thailand mengambil alih pentadbiran. Pertukaran nama Kedah kepada Syburi adalah tidak asing bagi rakyat di negeri Kedah kerana nama tersebut telah digunakan sejak abad ke-18 lagi.<sup>21</sup> Pertukaran

pentadbiran ini menimbulkan pelbagai reaksi terutamanya kepada golongan elit. Pentadbiran yang dilaksanakan oleh kerajaan Thailand adalah bersifat ketenteraan dan berpusat di Alor Setar namun demikian Tentera Jepun masih lagi berkuasa.<sup>22</sup>

## **Perubahan pentadbiran di kedah, 1942-1945**

Jepun memulakan pentadbiran ketenteraan di Tanah Melayu pada 15 Februari 1942 apabila British menyerah kalah.<sup>23</sup> Namun demikian tentera Jepun telah menguasai Kedah bermula dari 16 Disember 1941. Sultan Abdul Hamid Shah yang merupakan Sultan Kedah ketika itu terpaksa menandatangani satu perjanjian yang mengakui ketuanan Jepun pada 19 Disember 1941 di Kulim. Menerusi perjanjian tersebut Jepun mengakui Sultan Abdul Hamid Shah sebagai Sultan di Kedah namun tampuk kekuasaan dipegang oleh Jepun, justeru segala arahan yang dikeluarkan mestilah dipatuhi.<sup>24</sup> Di bawah pentadbiran tentera Jepun, Kedah disatukan dengan Perlis dan dinamakan sebagai *Kedah Shusei-Chao Soshiki*.<sup>25</sup> Ketua kerajaan atau Chokan Kakka (Gabenor) di Kedah ialah Oyama Kikan sebelum diganti dengan Mejar Jeneral Seigi Sukegawa.<sup>26</sup> Jepun menggunakan kedudukan Sultan sebagai alat untuk membantu pihaknya melancarkan proses pengambilalihan kuasa pentadbiran. Misalnya pada September 1942, satu pindaan telah dilaksanakan, Sultan hanya berperanan sebagai ketua agama Islam dan hal yang berkaitan dengan adat istiadat. Malah elaun yang diberikan kepada Sultan turut dikurangkan kepada separuh daripada elaun yang diperoleh sebelum perang, Jepun bertindak sedemikian agar baginda secara rela hati menyerahkan hak dan kedaulatan kepada Maharaja Jepun.<sup>27</sup> Ekoran dari pindaan ini, kedudukan Sultan yang selama ini merupakan ketua negeri telah dipandang rendah bahkan istana Sultan Kedah di Alor Setar dirampas oleh Jepun.

Terdapat ramai golongan elit yang melarikan diri, namun di Alor Setar pegawai-pegawai yang masih ada berunding dan dipelawa untuk bekerjasama serta bekerja di bawah pentadbiran Jepun. Langkah ini dimulakan oleh Tunku Muhammad Jiwa ibni Sultan Abdul Hamid yang berkhidmat sebagai Setiausaha Monopoli dan Kastam dan Encik Ismail Harun yang bertugas sebagai Setiausaha Rendah II. Jepun menghadapi masalah kekurangan pegawai terlatih di dalam bidang pentadbiran awam dan ketenteraan. Oleh itu, Jepun telah berbincang dengan pegawai tinggi yang tidak melarikan untuk terus kekal berada di dalam jabatan masing-masing dan meneruskan pekerjaan mereka. Semasa pentadbiran Jepun, orang-orang tempatan dilantik untuk melaksanakan dasar yang dibentuk oleh ketua jabatan yang kesemuanya adalah pegawai Jepun kecuali dalam bidang agama yang diketuai oleh Tunku Badlishah.<sup>28</sup> Namun, golongan elit Melayu masih lagi memegang jawatan sebagai Ketua-ketua Jabatan. Shingi-Shitsu (Jawatankuasa Kuasa Pentadbiran) telah menggantikan Majlis Mesyuarat Negeri yang berperanan dalam menggubal undang-undang

serta peraturan.<sup>29</sup> Ini bermaksud Gabenor Jepun berfungsi sepenuhnya dalam menggubal undang-undang di negeri Kedah.

Berbeza semasa pentadbiran British, golongan elit Melayu di Kedah lebih berpengaruh. Misalnya Majlis Mesyuarat Negeri ketika zaman pentadbiran British mempunyai kuasa untuk membentuk dan menggubal undang-undang yang akan diwartakan atas nama Sultan. Sebaliknya peranan Jawatankuasa Penasihat hanyalah menasihati Gabenor Jepun dalam membuat dasar dan menggubal undang-undang. Apa yang boleh dipertikaikan adalah, adakah Jepun dengan berlapang dada dapat menerima nasihat yang diberikan atau adakah ahli jawatankuasa ini berani untuk menyuarakan pendapat mereka atau, penyertaan ahli jawatankuasa ini sekadar untuk memperlihatkan kepada rakyat bahawa Jepun melibatkan golongan tempatan di dalam pentadbiran mereka. Perbandingan struktur pentadbiran antara British dengan Jepun dapat dilihat seperti jadual di bawah<sup>30</sup>

**Jadual 1. Perbandingan Pentadbiran British-Jepun**

<b>Jawatan/Jabatan</b>	<b>British</b>	<b>Jepun</b>
Eksekutif	Raja Muda (Pemangku Raja) Penasihat British	Gabenor Jepun
Majlis Mesyuarat Negeri	Ahli-ahli Majlis Presiden - Pemangku Raja - Penasihat British - 4 ahli Melayu	Ahli-ahli Pusat Pengerusi - Gabenor (Jepun) - 2 pegawai Jepun - 3 keluarga diraja - 2 ahli Melayu
Pentadbiran Agama Islam		Ketua- Pemangku Raja Setiausaha – Melayu
Hal Am	Pesuruhjaya Pelajaran (British dan adakalanya Melayu)	Ketua – Jepun Setiausaha – Jepun Setiausaha Cina Seberang Laut- Jepun
Kewangan	Bendahari Negeri- Melayu Penasihat Kewangan- British	Pemeriksa Kira-kira- Jepun Perancang Belanjawan- Jepun
Industri	Pengarah Tanah- Melayu Pengerusi Majlis Bandaran- Melayu Pesuruhjaya Monopoli/Kastam- Melayu Pesuruhjaya Lombong- British	Hal ehwal Tanah- Jepun Hak Ehwal bandaran- Jepun Industri, Perdagangan dan Perikanan- Jepun Hal Ehwal Pertanian- Jepun
Polis	Pesuruhjaya Polis- British	Hal Ehwal Polis- Jepun Hal Ehwal Khas Siasatan- Jepun Hal Ehwal Keamanan- Jepun
Komunikasi	Jabatan Laut- Melayu	Tanah dan Air- Jepun Pembahagian Petrol- Jepun



Jelas berdasarkan jadual di atas, di bawah pentadbiran Jepun, kuasa golongan elit Melayu semakin berkurangan dan hampir keseluruhan jabatan dikuasai oleh Jepun. Sebelum Perang Dunia Kedua, banyak sekolah ditubuhkan oleh kerajaan Kedah seperti Kolej Sultan Abdul Hamid, Sekolah Menengah Badlishah dan Sekolah Menengah Ibrahim. Pelajar yang terpilih pula akan dihantar melanjutkan pelajaran di Kolej Teknik, Kuala Lumpur, Kolej Pertanian, Kolej Perubatan dan sebagainya sebagai persediaan sebelum dilantik sebagai pegawai kerajaan.<sup>31</sup>

Dilaporkan jumlah keseluruhan pegawai kerajaan yang berkhidmat di bawah pemerintahan Jepun adalah seramai 2,332 orang. Majoritinya adalah orang Melayu yang berpendidikan Melayu dan juga British iaitu seramai 2,159 orang dan yang selebihnya terdiri daripada kaum Cina, India dan Eurasian. Golongan Melayu yang berpendidikan Melayu kebanyakan memegang jawatan rendah, manakala yang berpendidikan British terdiri daripada kerabat diraja dan anak-anak bangsawan. Daripada keseluruhan enam belas orang, lapan daripadanya adalah golongan 'Tunku', dua dari keluarga 'syed' dan baki enam orang dari anak orang-orang kenamaan. Mereka ini ialah Tunku Badlishah, Tunku Yaakop, Tunku Abdul Rahman, Tunku Zainol Abidin, Tunku Majid, Tunku Yahya, Tunku Abdullah Kassim, Tunku Nong Tunku Mohd Jiwa, Syed Sheh Syed Hassan, Syed Sofi Syed Mansor, Md. Zain Ariffin, Cik Sophee Cik Hassan, Azmi Haji Mohammad, Ahmad Haji Syariff, Hassan Haji Said dan Md. Khir Haji Jaafar.<sup>32</sup>

Pada 13 Mei 1943, Sultan Abdul Hamid telah mangkat kerana sakit tua dan digantikan oleh Raja Muda Tunku Badlishah yang telah ditabalkan sehari selepas kemangkatan ayahandanya. Pertabalan baginda telah dipersetujui oleh pihak Jepun.<sup>33</sup> Pada tahun ini juga satu peristiwa bersejarah telah berlaku di mana pihak Jepun mengumumkan bahawa pentadbiran Kedah akan diserahkan kepada pentadbiran ketenteraan Thailand bagi mengotakan perjanjian yang dimeterai pada Disember 1941 oleh Jepun dan Thailand.<sup>34</sup> Walaupun dilihat seakan-akan Jepun memenuhi perjanjian tersebut namun Jepun sebenarnya mahu memperbaiki hubungan persahabatan dengan Thailand yang semakin meruncing. Di samping itu Jepun juga mahu mengurangkan negeri-negeri jajahan supaya kuasa ketenteraan dapat digunakan bagi kempen di Myanmar.<sup>35</sup>

## **Kedah Di Bawah Pentadbiran Thailand**

Sebulan setengah setelah Tunku Badlishah ditabalkan menjadi Sultan Kedah, pentadbiran Kedah telah diserahkan kepada Thailand. Peristiwa bersejarah tersebut berlaku pada 18 Oktober 1943 di Alor Setar melibatkan empat negeri-negeri Melayu Utara iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu serta dua buah negeri Shan iaitu Mong Pan dan Kentung.<sup>36</sup> Penyerahan Kedah serta negeri-negeri lain ini adalah rentetan dari satu perjanjian yang telah dibuat oleh kedua negara ini serta usaha giat yang dilakukan oleh Wichitwarhakan,

Menteri Hal Ehwal Luar Thailand. Beliau giat berunding dengan pihak Jepun sehingga akhirnya satu kenyataan rasmi dikeluarkan oleh Perdana Menteri Jepun, Hedeki Tojo pada 5 Julai 1943 berhubung penyerahan wilayah di Tanah Melayu serta Burma kepada Thailand. Seterusnya pada 20 Ogos 1943 bertempat di Bangkok, Perdana Menteri Thailand, Phibun Songkram telah menandatangani perjanjian penyerahan dengan duta Jepun, Teijo Tonbukami. Kerajaan Thailand hanya memulakan pentadbiran mereka di Kedah setelah Jepun selesai memindahkan pentadbiran am kepada pihak berkuasa Thailand pada Oktober 1943. Sepanjang Perang Pasifik, kerajaan Thailand telah membuat keputusan untuk melaksanakan sistem pentadbiran berbentuk tentera.<sup>37</sup>

Untuk melicinkan pentadbiran Thailand di Kedah, satu administrasi awam telah diwujudkan oleh Perdana Menteri Phibun. Beliau meminta Menteriya iaitu Nai Sawong Chinawan Chaiaya menjadikan Kedah serta Negeri-negeri Melayu Utara sebagai salah satu wilayah Thailand agar pentadbiran Kedah dapat disamakan dengan wilayah Thailand yang lain. Selain itu, Plaek Phibunsongkhram juga memberi ingatan dan larangan agar pegawai menjalankan amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja mereka. Pegawai diberi amaran agar tidak membuat perkara yang terukut seperti mengambil rasuah dan lalai.<sup>38</sup> Namun model pentadbiran Thailand di Negeri-negeri Melayu Utara terjejas oleh gelombang perang yang semakin mengancam apabila sekutunya Jepun dilihat semakin tertindas. Melihat kepada perkembangan peperangan, kerajaan Thailand menganggap status mereka di Negeri-negeri Melayu Utara hanya sementara dan British akan kembali berkuasa manakala Negeri-negeri Melayu Utara perlu diserahkan semula. Perkembangan peperangan ini menjadi pertimbangan dalam penggubalan dasar pentadbiran Negeri-negeri Melayu Utara oleh kerajaan Thailand.<sup>39</sup>

Secara ringkasnya pentadbiran di Negeri-negeri Melayu Utara yang diumumkan pada 15 September 1943 adalah; *Pertama*, pentadbiran tentera Thailand akan dijalankan di Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu. *Kedua*, setiap negeri akan ditadbir oleh pentadbir di setiap negeri. *Ketiga*, seorang penyelia atau ketua pentadbir akan dilantik untuk memantau pentadbiran di setiap negeri yang dijalankan dengan nasihat dari pemerintah tentera setiap negeri. *Keempat*, pentadbir di setiap negeri mempunyai kuasa untuk memilih ketua pentadbir yang dirasakan bersesuaian dengan penduduk keadaan setempat. Dan yang *kelima*, urusan pentadbiran am akan dilakukan oleh ketua pentadbir dengan dibantu oleh penasihat pentadbir, manakala ketua pasukan polis akan membantu ketua pentadbir berkaitan dengan hal-hal keamanan.<sup>40</sup> Ini bermakna pentadbiran di Kedah dan Negeri-negeri Melayu Utara berada di bawah pengawasan ibu pejabat Perdana Menteri Thailand yang diuruskan oleh Khaluang Thahan Besar (Pesuruhjaya Tinggi Tentera). Mejar Jeneral Kamol Sribhassairadhikavan Jotikasarthien adalah Khaluang Thahan Besar yang pertama. Beliau dibantu oleh penasihat am Kapten Nomrajuwonsw Chierlarh Tharenong dan seorang pegawai polis.<sup>41</sup> Pesuruhjaya tentera Syburi

untuk tempoh Oktober 1943 hingga September 1944 adalah Lt. Kolonel Promote Chongeharwan yang kemudian digantikan oleh Nai Charoon bermula dari September 1944. Beliau dibantu oleh Nai Chart Boonyarat Pan selaku Penolong Pesuruhjaya Tentera Syburi, Nai Preeda Kosolpan iaitu Setiausaha Pesuruhjaya Tentera Syburi, Nai Sewatny Yueng Chareru dan Nai Swardi Promdirek iaitu Setiausaha Pesuruhjaya Tentera, Nai Pol Chirakhacchorn sebagai Pegawai Kewangan dan Nai Prasson Yoosamrara kerani di Pejabat Pesuruhjaya Tentera.<sup>42</sup> Walaupun Thailand telah mengambil alih pentadbiran Kedah dari Jepun, tidak bermakna pengaruh Jepun sudah tiada di Kedah. Dalam beberapa aspek seperti bidang perindustrian dan pengangkutan didapati Jepun masih lagi berkuasa, begitu juga di dalam bidang ketenteraan.<sup>43</sup> Tentera Jepun yang berpusat di Sungai Petani dan Alor Setar masih lagi sewenang-wenangnya menangkap penduduk sesuka hati tanpa merujuk kepada tentera Thailand. Bahkan tentera Jepun masih tidak berpuas hati terhadap penyerahan Kedah kepada Thailand kerana mereka yang bermati-matian ingin merampas Kedah dari British walaupun tidak menunjukkan bantahan secara kekerasan. Kerajaan Thailand turut mengeluarkan peraturan yang diedarkan kepada rakyat tempatan pada 19 Oktober 1943 atau 19 Tulakum 2486<sup>44</sup> agar pentadbiran yang teratur dapat dilaksanakan serta menyediakan kesenangan kepada rakyat dengan segera. Berdasarkan peraturan yang dibuat oleh kerajaan Thailand, dapat dilihat kuasa Sultan sebagai ketua negeri dikembalikan dan tidak hanya menjadi boneka seperti yang dilakukan semasa pentadbiran Jepun.<sup>45</sup>

## **Kesan Terhadap Elit Melayu Di Kedah**

Penyerahan Kedah kepada kerajaan Thailand ekoran daripada perjanjian dan pertolongan yang diberikan ketika Jepun hendak menawan Tanah Melayu telah memberi kesan kepada golongan elit Melayu. Kerajaan Thailand yang sebelum ini mempunyai hubungan baik dengan Kedah telah menyerahkan pentadbiran negeri kembali kepada pentadbiran awam dengan seorang penasihat dari Thailand.

### **a) Golongan Elit Melayu Diberi Layanan Yang Baik**

Jepun telah menyerahkan beberapa tempat yang dahulunya dijadikan markas kepada tentera Thailand semasa proses penyerahan pentadbiran negeri Kedah kepada Thailand. Markas tentera Thailand dan pejabat pentadbiran terletak di Alor Setar dan kebanyakan sekolah kerajaan turut dijadikan pusat pentadbiran seperti di Sekolah Derga, Sekolah Kanchut, Sekolah Sungai Korok Tinggi, Maahd Mahmood dan beberapa sekolah lagi.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun, Jepun masih lagi mengekalkan ketuanannya terhadap kerajaan Thailand dengan mengekalkan tenteranya di beberapa tempat yang sulit dan penting seperti di pejabat kempetai yang terletak di Alor Setar.<sup>47</sup> Di luar daripada Alor Setar

seperti di daerah Yan, Bandar Baru, Kuala Muda, Padang Terap, Baling, Sik, Kulim, Langkawi dan Kubang Pasu, rumah rehat kerajaan serta rumah pegawai daerah dijadikan sebagai pejabat pentadbiran dan markas tentera kerajaan Thailand.<sup>48</sup>

Justeru itu, untuk mengekalkan hubungan baik antara golongan elit istana, kerajaan Thai diberi pelbagai keistimewaan. Salah satunya, Montri Spa telah meluluskan pembayaran elaun sebanyak \$10,000.00 bermula pada 1.12.2487 atau 1 Disember 1944. Berbeza semasa pentadbiran Jepun, Sultan hanya diberi elaun sebanyak \$7000.00 sahaja.<sup>49</sup> Montri Spa juga meluluskan bayaran elaun sebanyak \$180.00 sebulan kepada Sultana Asma.<sup>50</sup> Tetapi menerusi satu memo yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tentera Syburi bertarikh 16.8.2487, bersetuju untuk menaikkan elaun kepada Sultanah dengan satu nilai yang masih belum diputuskan. Menurut memo tersebut Sultanah Syburi tidak patut untuk menerima elaun yang sedikit atau kurang dari mana-mana negeri di bawah Thailand. Jumlah elaun yang akan diberi tidak akan kurang dari empat digit namun akan dibincangkan ketetapan jumlah tersebut.<sup>51</sup> Tidak hanya kepada Sultan dan Sultanah, kerajaan Thailand turut membuat perancangan bagi hasil dan perbelanjaan untuk keluarga diraja serta gaji pegawai kerajaan. Anggaran "Ruling House Allowance" bagi tahun 2487 atau 1944<sup>52</sup> bagi keluarga di raja Kedah adalah sebanyak \$231 600.00. Jelas menunjukkan nasib golongan elit istana semasa pentadbiran kerajaan Thailand adalah lebih baik daripada pentadbiran Jepun. Golongan elit istana masih menerima elaun bagi setiap bulan dengan nilai yang banyak pada masa tersebut, bahkan kebanyakan dari mereka turut terlibat di dalam pentadbiran awam dan menyandang jawatan yang penting.

Kerajaan Thailand turut menjaga kebajikan golongan elit dan pegawai kerajaan yang sudah bersara dengan mengembalikan sistem pencen yang telah dihapuskan semasa pentadbiran Jepun. Bayaran pencen tidak hanya diberikan kepada pegawai yang telah bersara malahan diberikan juga kepada balu-balau dan anak Almarhum yang telah meninggal dunia seperti Tunku Aishah binti Tunku Abdul Aziz, balu kepada Almarhum Pemangku Raja, H.H Tunku Ibrahim yang diberi pencen sebanyak \$3,600.00 setiap bulan.<sup>53</sup>

Kerajaan Thailand pada mulanya mengikuti model pentadbiran Jepun namun pada Disember 1943, kerajaan Thailand menggunakan kembali model pentadbiran British sebelum peperangan. Maka pentadbiran ketenteraan dihapuskan dan kuasa Sultan sebagai ketua negeri dikembalikan dengan mendapat nasihat daripada penasihat Thailand.<sup>54</sup> Untuk mengelakkan pemberontakan dari rakyat tempatan, kerajaan Thailand telah mengeluarkan satu kenyataan yang memberi jaminan bahawa mereka akan mentadbir negeri Kedah dengan seadil-adilnya dan tidak akan memberi kesengsaraan kepada rakyat di bawah wilayahnya seperti yang terjadi semasa pentadbiran Jepun.<sup>55</sup> Secara perbandingan, dapat dilihat dengan jelas bahawa kerajaan Thailand mengakui akan kedaulatan Sultan terhadap negeri Kedah. Tidak seperti semasa

pentadbiran Jepun, Sultan hanyalah dijadikan sebagai lambang kuasa negeri Kedah sahaja tanpa ada fungsi yang signifikan.

## b) **Penubuhan Montri Spa Syburi**

Kerajaan Thailand juga memberi kepercayaan sepenuhnya kepada golongan elit Kedah untuk mengendalikan pentadbiran. Majlis Negeri yang dikenali sebagai Montri Spa kembali dihidupkan selari dengan dasar yang dibawa oleh kerajaan Thailand dalam memberi kuasa kepada Negeri-negeri Melayu Utara menguruskan negeri-negeri mereka sendiri.<sup>56</sup> Selain itu, menurut akhbar Malai Sinpo bertarikh 18 Disember 1943, kerajaan Thailand mempunyai perancangan untuk mengukuhkan kuasa Sultan di Negeri-negeri Melayu Utara, disebabkan ini kepimpinan negeri telah diletakkan sepenuhnya di bawah kuasa Sultan. Pentadbiran tentera yang ada sekarang akan dikekalkan sebagai penasihat kepada kepimpinan negeri. Tambahan pula, kerajaan Thai akan mewujudkan sistem perbandaran di setiap pekan besar di empat negeri itu.<sup>57</sup>

Montri Spa di negeri Kedah yang diketuai oleh Sultan Badlishah, Sultan Kedah ketika itu dan dibantu oleh Tunku Yaakop selaku naib presiden.<sup>58</sup> Montri Spa penting di dalam pentadbiran Kedah untuk mewujudkan perjalanan pentadbiran yang sempurna demi kesenangan rakyat dan mengembalikan maruah serta martabat Sultan dan golongan pembesar.<sup>59</sup> Kerajaan Thailand tidak begitu mengambil tahu perjalanan majlis ini, namun segala keputusan berkaitan perundangan serta pentadbiran yang ingin dilakukan harus mendapat kelulusan daripada Pesuruhjaya Tertinggi Thailand. Encik Ismail Merican turut berkhidmat sebagai penasihat undang-undang di Montri Spa. Setiap empat tahun sekali, ahli Montri Spa akan dilantik dan jika perkhidmatan mereka masih diperlukan, ahli ini akan dilantik sekali lagi untuk memegang jawatan tersebut.<sup>60</sup> Kerajaan Thailand menggunakan corak pentadbiran ala British kerana berpendapat bahawa British telah berada lama di negeri Kedah, maka cara tersebut lebih sesuai dijalankan dan dapat diterima oleh rakyat tempatan berbanding cara Jepun yang cuma mentadbir dalam jangka masa yang singkat. Tambahan pula, cara pentadbiran Jepun tidak sesuai dilaksanakan kerana bersifat kejam dan kasar berbanding pentadbiran ala British yang lebih lunak.<sup>61</sup>

## **Gambar 2 Almarhum DYMM Sultan Badlishah Ibni Sultan Abdul Hamid Halim Shah ketika menjadi Raja Muda pada 8 Mac 1935**



Sumber: Kedah dulu-dulu 2003

Bagi berdiskusi perkara-perkara utama yang berkaitan dengan politik dan pentadbiran negeri, Montri Spa akan bersidang dengan Gabenor atau wakil dari Gabenor Jeneral untuk mencapai kata putus.<sup>62</sup> Tuan Khaluang atau penasihat tidak menganggotai Majlis Mesyuarat Negeri seperti ketika tempoh pentadbiran British, ini jelas menunjukkan kerajaan Thai benar-benar memberi kekuasaan kepada pentadbiran tempatan negeri Kedah seperti yang diumumkan di dalam Malai Sinpo bertarikh 18 Disember 1943. Malahan Che Boonyarat Pan iaitu Pemangku Pesuruhjaya Tentera Syburi turut menyatakan di dalam suratnya pada 27 Ogos 1943 kepada Setiausaha Kerajaan Kedah bahawa,

...Ketua Turus Angkatan Tentera Thailand berpandangan untuk menyerahkan sepenuh kuasa pentadbiran negeri seperti keputusan menggubal undang-undang, mahkamah dan polis tanpa perlu membuat rujukan kepada kerajaan Thailand seperti yang dilakukan pada masa ini. Kerajaan Thailand juga bercadang untuk hanya memegang kuasa naungan dan menjadi penasihat kepada Negeri-negeri Melayu Utara yang berkemungkinan memberi manfaat untuk hubungan dan kerjasama yang lebih harmoni.<sup>63</sup>

Montri Spa turut berperanan dan membincangkan tentang nasib dan masalah yang dihadapi oleh rakyat di negeri Kedah.<sup>64</sup> Misalnya dalam satu surat kepada Penasihat Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thailand, kerajaan Kedah telah membuat permohonan untuk dibawa masuk peralatan alat tulis dari Bangkok kerana rakyat dan kerajaan negeri mengalami kekurangan barangan seperti kertas karbon, pensel, dakwat pen, klip kertas dan sebagainya. Ini menyebabkan banyak urusan kerajaan dan rakyat tertangguh. Pada mesyuarat Montri Spa pada 19.11.2487, ahli majlis turut membincangkan mengenai bayaran elaun rumah sewa yang terlalu rendah kepada pegawai kerajaan sehingga ada tertunggak sehingga enam bulan kerana tidak mampu untuk membayar sewa rumah. Justeru Montri Spa telah meminta jasa baik kerajaan Thailand untuk menimbangkan kenaikan elaun perumahan.<sup>65</sup> Ahli Montri Spa juga akan diberikan elaun sebanyak \$100 sebulan bermula 1.8.2487, hal ini telah ditetapkan ketika mesyuarat Montri Spa pada 19.11.2487.<sup>66</sup>

### c) Golongan Elit Melayu Diberi Jawatan Penting

Bagi menjalankan dasar yang telah dibentuk, kerajaan Thailand begitu mempercayai golongan elit Kedah untuk melaksanakannya. Misalnya bagi mengetuai Montri Spa, pihak kerajaan Thailand melantik Sultan Badlishah sebagai presiden dan Tunku Yaakop selaku naib presiden.<sup>67</sup> Selain itu, dapat dilihat apabila Tunku Abdul Rahman ingin meletakkan jawatan untuk kepentingan negeri dan masa hadapannya, kerajaan Thailand telah memujuk Tunku Abdul Rahman supaya tidak meletakkan jawatan. Ini berikutan dasar Thailand untuk mengekalkan keturunan Sultan Abdul Hamid yang terkenal dan mempunyai reputasi tinggi di dalam pentadbiran kerajaan dan mempunyai hubungan yang cukup baik dengan kerajaan Thai sehingga pihak Thailand mempercayai beliau untuk melaksanakan dasar-dasarnya.<sup>68</sup> Seterusnya, Tunku Mukhtar iaitu anak kepada Tunku Yusuf turut menghantar permohonan untuk menyertai kadet, Perkhidmatan Awam Kedah.<sup>69</sup> Beliau telah menghantar surat permohonan kepada Setiausaha Kerajaan pada 16.11.2486. Ketika itu ayahanda beliau, Tunku Yusuf berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Pertanian negeri Kedah.

Penyerahan pentadbiran Kedah kepada Thailand tidak menimbulkan masalah kepada golongan elit. Hal ini adalah kerana Kedah dan Thailand sememangnya mempunyai hubungan yang telah ada sejak sekian lamanya. Bahkan hubungan tersebut masih diteruskan walaupun Kedah telah diserahkan kepada British menerusi Perjanjian British-Siam 1909. Golongan elit istana misalnya Tunku Badlishah pernah belajar di Bangkok dan menerima biasiswa dari kerajaan Thailand untuk meneruskan pelajaran peringkat tertinggi di England. Baginda kemudiannya telah bekerja sekembalinya dari England dengan kerajaan Thailand sebelum pulang berkhidmat di Kedah. Tunku Abdul Rahman juga pernah belajar di Bangkok semasa beliau menetap bersama

Tunku Yusuf yang semasa itu berkhidmat dengan tentera Thailand.<sup>70</sup> Justeru penyerahan pentadbiran Kedah kepada Thailand telah disambut baik golongan elit dan rakyat kerana merasa senang dengan perubahan pentadbiran yang dikembalikan kepada pihak awam serta memberi kebebasan kepada penduduk tempatan untuk bergerak dan membuat aktiviti seharian.

#### **d) Ketua Jabatan Disandang Oleh Pegawai Tempatan**

Dasar dan pentadbiran awam ditentukan sendiri oleh pentadbiran tempatan kerana jawatan ketua-ketua jabatan telah diserahkan semula kepada pegawai tempatan Kedah. Majlis Mesyuarat Negeri di bawah kerajaan Thailand telah mengadakan persidangan buat pertama kalinya pada 18 November 2846 di Istana Anak Bukit.<sup>71</sup> Bagi pentadbiran awam, jawatan setiausaha kerajaan adalah yang teratas selepas jawatan Gabenor. Tuan Haji Mohamad Sharif Osman adalah yang memegang jawatan ini, justeru beliau boleh dikatakan yang paling berkuasa pada ketika itu selain Sultan. Kebanyakan usul yang dibentangkan oleh Tuan Haji Mohamad Sharif Osman selalunya akan diterima dan diluluskan oleh Gabenor General Thailand.<sup>72</sup> Bagi jawatan ketua jabatan, kebanyakannya dipegang oleh orang-orang dari Thailand dan dibantu oleh setiausaha. Namun terdapat juga pegawai tempatan yang menjawat jawatan tinggi di dalam pentadbiran. Kerajaan Thailand hanya menumpukan pegawainya kepada bidang ketenteraan, polis dan hubungan luar selari dengan kekalahan yang dialami oleh Jepun di Pasifik. Kerajaan Thailand sedar keadaan yang mereka alami dan berlembut serta memberi autonomi kepada pentadbiran tempatan. Bagi melicinkan pentadbiran di Kedah, kerajaan Thailand telah membahagikan negeri Kedah kepada sembilan buah daerah dan di setiap daerah akan diletakkan pegawai dari Thailand yang akan dibantu oleh pegawai kerajaan tempatan. Untuk daerah yang mempunyai penduduk lebih dari 15 000 orang penduduk, seorang pegawai daerah akan ditempatkan di situ.<sup>73</sup>

#### **e) Sikap Pegawai Thailand Di Kedah**

Disiplin pegawai Thailand di Kedah juga tidak begitu dititik beratkan. Kebanyakan pegawainya bebas membuat pekerjaan lain dan menjalankan perniagaan untuk menambahkan pendapatan. Ini berlaku kerana kerajaan pusat di Bangkok tidak begitu terlibat dengan pentadbiran di wilayah-wilayah Thailand serta hanya berhubung jika terdapat hal-hal besar yang perlu diselesaikan. Kebanyakan hal akan diurus dan diselesaikan oleh pegawai Thailand yang berada di Alor Setar. Pegawai Thailand lebih kepada pengawasan kerana pentadbiran awam dikendalikan oleh pegawai tempatan. Kerajaan Thailand tidak bercadang untuk membuat perancangan pembangunan di negeri Kedah mungkin kerana situasi yang mereka alami. Mereka cuma meneruskan apa yang telah tersedia sewaktu sebelum pengambilalihan pentadbiran dan boleh



dikatakan bertindak sebagai “*care taker*” sahaja sebelum Kedah diserahkan semula kepada pihak British. Jabatan kerajaan semakin malap kerana tiada pihak atasan yang akan turun padang bagi melihat pekerjaan yang dilakukan oleh para pegawainya. Jabatan Kewangan adalah satu-satunya jabatan yang paling sibuk pada waktu itu, jabatan ini bertanggungjawab dalam mengutip cukai serta menguruskan pembayaran gaji para pegawai. Hasil pendapatan yang diperoleh negeri Kedah akan dibelanjakan sepenuhnya di negeri Kedah. Pegawai-pegawai dari Thailand menerima terus gaji mereka dari kerajaan pusat di Bangkok.<sup>74</sup>

#### **f) Penubuhan SABERKAS**

Golongan elit berpendidikan Arab, Melayu dan British telah menubuhkan Syarikat Bekerjasama Am Syburi (SABERKAS) bagi menjaga kepentingan orang Melayu dan tanah air pada awal 1944. Antara mereka yang terawal di dalam penubuhan persatuan ini ialah Senu Abdul Rahman, Mohamad Khir Johari, Ahmad Nordin dan Wan Din bin Mohamad Hashim. SABERKAS adalah sebuah pertubuhan politik tempatan yang berlindung atas nama syarikat kerjasama dari dihidu oleh pihak Jepun. SABERKAS juga bertindak sebagai badan kebajikan bagi menarik orang-orang Melayu untuk menjadi ahli. Namun sebenarnya SABERKAS bergerak di atas tiga landasan iaitu syarikat kerjasama, badan kebajikan dan parti politik. Ketiga-tiga aspek ini bergerak serentak di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. Kebanyakan ahlinya terdiri daripada pemimpin tempatan, pegawai kerajaan dan pemuda-pemuda yang menyertai *Giyu Gun*. Matlamat pertubuhan SABERKAS adalah jelas selari dengan makna yang diberikan oleh ahli-ahlinya iaitu Sayang Akan Bangsa Ertinya Redha Berkorban Apa Segala. Walaupun SABERKAS hanyalah pertubuhan tempatan namun Impaknya sangat besar malah dikatakan kegiatannya tidak kurang seperti PKMM dan UMNO kerana penglibatannya melampaui batas-batas daerah.<sup>75</sup>

### **Gambar 3 Sebahagian daripada ahli jawatankuasa SABERKAS di hadapan Restoran SABERKAS**



Sumber: Lembaga Muzium Kedah 1947

Pendudukan Jepun dan Thailand di Kedah telah memberi pengalaman dan impak yang besar ke atas golongan elit Melayu. Kesedaran politik di Kedah berselindung di sebalik persatuan sosial dan ekonomi. Golongan elit mulai sedar mereka tidak seharusnya hanya berada di pusat pemegang kuasa untuk berperanan sebagai elit. Sebaliknya mereka perlu ada bersama rakyat untuk mencorak dan menyusun organisasi sosial agar turut memperoleh sokongan dari peringkat paling bawah. Mereka tidak hanya boleh mengharapkan sokongan dari golongan tradisional semata-mata kerana golongan tradisional ini mempunyai visi yang berbeza serta akan kehilangan pengaruh apabila rakyat bangkit dan semakin jelas akan arah tuju politik mereka.

### **Kesimpulan**

Perubahan pentadbiran yang berlaku di negeri Kedah telah memberi kesan kepada golongan elit Melayu. Semasa pentadbiran British, golongan elit hidup di dalam keadaan yang selesa kerana British menggunakan dasar memujuk terutamanya kepada golongan pemerintah seperti Sultan, pegawai tinggi kerajaan dan golongan bangsawan. Kebajikan golongan elit dijaga dengan baik pada masa itu. Setelah Jepun berjaya menawan Tanah Melayu dan mengambil alih pentadbiran dari pihak British, Jepun telah memperkenalkan

pelbagai dasar baharu yang turut memberi kesan kepada golongan elit. Nasib golongan elit pada zaman pemerintahan Jepun adalah sukar, ada sebahagian yang melarikan diri kerana tidak mahu bersekolong dengan pihak Jepun.

Setelah Jepun menyerahkan kembali Negeri-negeri Melayu Utara kepada Thailand pada 18 Oktober 1943, pentadbiran ketenteraan Jepun beralih kepada ketenteraan Thailand yang kemudiannya ditukar kepada pentadbiran awam. Dasar yang diamalkan oleh Thailand tidak begitu menekan seperti Jepun kerana kerajaan Thailand sedar akan keadaan semasa berikutan kekalahan Jepun di dalam Perang Pasifik. Thailand hanyalah sekadar menjadi “*care taker*” sahaja dan meneruskan pentadbiran yang dilakukan oleh British. Semasa pentadbiran Thailand, kedudukan golongan elit Melayu Kedah dikembalikan. Ada yang dipanggil semula bekerja kecuali mereka yang tidak diperkenankan oleh Pesuruhjaya Tinggi Tentera. Montri Spa atau dahulunya dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Negeri ditubuhkan dengan seorang penasihat Thailand. Tuntas nya perubahan yang dialami oleh golongan elit Melayu di Kedah telah memberi kesedaran kepada mereka dan rakyat untuk bangkit menentang penjajah walau dari mana mereka berasal. Nasib serta maruah sesuatu golongan dan rakyat tidak harus diperkotak-katikkan oleh mereka yang datang menjajah. Walaupun kerajaan Thailand hanya memerintah dalam tempoh yang sekejap dan tidak banyak membuat perubahan terhadap negeri Kedah, namun, pemerintahan yang sekejap ini turut memberi banyak kesan golongan elit Melayu serta rakyat.

## Nota Akhir

1. Hodgson, G.A “Mengenalkan Sejarah Kedah” dalam Laporan Tahunan United Kedah Planting Association, 1963. Terjemahan oleh Ismail Haji Salleh untuk “Buku Kenangan Hari Keputeraan Ke-45 DYMM Sultan Kedah”, 20 Januari 1971.
2. Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah sepintas lalu*, Penerbit Universiti Utara Malaysia, Sintok, 2008, hlm. 2.
3. James Low diterjemahkan oleh Johan Ahmad, *Hikayat Merong Mahawangsa*, Geroda Merah Press, Pulau Pinang, 2018, hlm. 41-43
4. Ahmad Farhan Abdullah, Kedah, *Perak, Selangor dan Siam: Menjejaki peristiwa utama ke arah termeterai Perjanjian 1826*, dalam Abdullah Zakaria, Mardiana Nordin, *Kedah Warisan dan Sejarah*, Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Bangi, 2012, hlm. 148.
5. Wan Shamsuddin Mohd Yusof, *Kedah dalam warisan sejarah dan budaya Nusantara*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Kedah, 2014, hlm. 301.
6. Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai zaman Bangkok*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1991, hlm. 77.
7. Wan Shamsuddin Mohd Yusof, *Kedah dalam warisan sejarah dan*

- budaya Nusantara*, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, Kedah, 2014, hlm. 304
8. Chandran, J., "Perjanjian 1909 antara British dengan Siam serta latar belakangnya," *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, Bil. 1, 1971/72, Universiti Kebangsaan Malaysia, Jabatan Sejarah, 1971, hlm. 4
  9. Che' Mustaffa Tam, Tuanku Nong Jiwa, "The last Kedah Bunga Mas", *Malaysian in history 6*, 1960, hlm. 42-53.
  10. Mohd Shariff Abu Samah, *Modenisasi pentadbiran Negeri Kedah 1895-1957*, UUM Press, Kedah, 2015, hlm. 28-29.
  11. Mohamad Muzammil Mohamad Noor, *Guru Melayu dan politik di Kedah 1940-1960*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012, hlm. 1-18
  12. Kobkua Suwannathat-Pian, *Sejarah Thai zaman Bangkok 1767-1957 (Edisi Kedua)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2018, hlm. 352.
  13. Ibid., hlm. 346.
  14. Kobkua Suwannathat-Pian, "Hubungan Thai-Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan kesan-kesannya kepada negeri-negeri Melayu Utara", *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 41-56.
  15. Bruce E Reynolds, "Aftermath of Allice: The wartime legacy in Thai-Japanese relations", *JSEAH*. Vol. XXI. No. I, Mac 1990, California: San Jose State University, 1990, hlm, 85.
  16. Kobkua Suwannathat-Pian, "Hubungan Thai-Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan kesan-kesannya kepada negeri-negeri Melayu Utara", *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 41-56.
  17. Fawzi Basri, Kosaku dan operasi matador satu kajian mengenai pertempuran Jepun-British di Kedah 1941-1942 dalam Khoo Kay Kim, *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kedah, 1983, hlm. 137-156.
  18. *Akhbar Penang Shinbun*, Isnin, 14 Disember 2606, (14.12.1942).
  19. Mohd Isa Othman, "Golongan elit dan pentadbiran Kedah semasa pendudukan Jepun dan Siam 1942-1945," Kedah dari segi Sejarah, *Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)* Vol. XIII. Bil. 1. Disember, 2011, hlm. 126.
  20. Nik Anuar Nik Mahmud, "Tuntutan iridenta Thai ke atas Negeri-negeri Melayu Utara dan reaksi orang-orang Melayu dan British," *Jebat*, 24, 1996, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 21.
  21. Sharom Ahmat, "Kedah Siam relations 1821-1905," *Journal of the*

- Siam Society*, 59, 1 Januari, 1971, hlm. 97-117.
22. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai," *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 57-84.
23. Ibid., hlm. 58.
24. Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945: Tumpuan di negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 19.
25. SUK (K) 298/2602.
26. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai," *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 58.
27. Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 1942-1945: tumpuan di Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 37.
28. SUK/K 2443/2603.
29. SUK/K 332/2602, 16.7.2602, (17/7/1942).
30. Office of Strategic, U.S State Department, "The Japanese administration in Malaya," 8 Jun 1944 dalam *BMA/ADM 9/1*, 1944, hlm. 26-27.
31. Ahmad Nordin Haji Mohd Zain, "Sejarah pendidikan British dan pelajaran tinggi di Kedah," di dalam Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah, Lembaga Muzium Negeri Kedah, Alor Setar, 1991, hlm. 89.
32. SUK/K 52/2603, 24/2/2603 (24/2/1942)
33. Buyong Adli, *Sejarah Kedah (Edisi Semakan)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 2020, hlm. 127-129.
34. John B. Hasseman, *The Thai resistance movement during the Second World War*, Japan, CellarBook, 1978, hlm. 8-16.
35. Jones, F.C. *Japan's new order in East Asia: its rise and fall, 1937-45*, Oxford University Press, London, 1954, hlm. 349-350.
36. Kobkua Suwannathat-Pian, "Hubungan Thai-Jepun semasa Perang Dunia Kedua dan kesan-kesannya kepada negeri-negeri Melayu Utara", *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 42.
37. Ibid.
38. Sec 13/2486: Allotment of government quarters with furniture in the district for Thai officers, 27/10/2486 (27/10.1943)
39. Nik Anuar Nik Mahmud, *Anglo-American negotiation on the post-war settlements with Siam: a survey*, *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 1980, hlm.10.

40. "Malai Sinpo 17 September 1943," *Malai Sinpo*, 17 September 1943.
41. Office of Strategic, U.S State Department, "The Japanese Administration in Malaya," 8 Jun 1944 dalam *BMA/ADM 9/1*, 1944, hlm. 26-27.
42. SUK/K 458/88.
43. Office of Strategic, U.S State Department, "The Japanese Administration in Malaya," 8 Jun 1944 dalam *BMA/ADM 9/1*, 1944, hlm. 26-27.
44. Selepas pertukaran pentadbiran, waktu dan tahun ditukar mengikut waktu dan tahun Thailand.
45. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai," *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 71.
46. SC 10/2486: Occupation of certain Malay schools by the Thai military.
47. Ibrahim Ismail, *Catitan Kedah*, 2007/0029405W.
48. Sec 13/2486: Allotment of gov. quarters with furniture in the district for Thai officers.
49. Sec 22/2487: Allowance for His Highness the Sultan, 3/12/2487.
50. Sec 720/2487: Allowance for Her Highness the Sultan, 5/7/2487.
51. Sec 720/2487: Allowance for Her Highness the Sultan, 16/8/2487.
52. Sec 7-2486: Revenue & expenditure for the year 2487. 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 2487, ruling house allowance.
53. SEC 7-2486: Revenue & expenditure for the year 2487. 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 2487, state pensions
54. SUK/K 576/2487.
55. Sec 63/2486: Order by his Excellency the Military High Commissioner, Kedah, regarding the administration of the State of Kedah, 19 Tulakom 2856.
56. Mohd Fadzil Hashim, *Sejarah Lisan Administrasi Thai di Kedah*, Chenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975. PSMCK, Kedah, 1975, hlm. 166.
57. *Malai Sinpo*, 18 Disember 1943.
58. SUK/K 52/87.
59. Abdullah Zakaria Ghazali, "Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu, 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai," *JEBAT: Malaysia Journal of history, politics & strategic studies*, 24, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1996, hlm. 70.
60. SUK/K 52/87.
61. Mohd Isa Othman, "Golongan Elit dan Pentadbiran Kedah Semasa Pendudukan Jepun dan Siam 1942-1945," *Kedah Dari Sejarah, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)*.

- Vol. XIII. Bil. 1. Disember, 2011, hlm. 131.
62. Mohd Fadzil Hashim, *Sejarah lisan administrasi Thai di Kedah*, Chenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975, PSMCK, Kedah, 1975, hlm. 166.
63. SUK/K 745/87.
64. Sec 22-2486: Stationery for Kedah gov, 30/10/2486.
65. Sec 182/2487: Minutes of the Meeting of the Montri Spa.
66. Sec 477/2487: Proposed grant of an allowance to the members of the Montri Spa.
67. Mohd Isa Othman, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, 942-1945: Tumpuan di Negeri Kedah*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 53.
68. Ibid., hlm. 53.
69. SEC 103-2486, Applies for cadetship, Kedah Civil Service.
70. Harry Miller, *Putera Raja dan Perdana Menteri*, News Straits Times Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 62.
71. Sec 113/2486: Meeting of the state council.
72. Mohd Fadzil Hashim, *Sejarah lisan administrasi Thai di Kedah*, Chenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975. PSMCK, Kedah, 1975, hlm. 166.
73. Ibid.
74. Ibid.
75. Rasyid Abdullah. (Pnys.), *SABERKAS*, Arkib Negara Cawangan Utara, Kedah, 1947.

## Rujukan

- Abdullah Zakaria Ghazali. 1996. "Perlis. Kedah. Kelantan dan Terengganu. 1942-1945: Pentadbiran Jepun dan Thai." *JEBAT. VOL, 24*.
- Ahmad Farhan bin Abdullah@Zakaria. 2012. "Kedah, Perak, Selangor dan Siam: Menjejaki Peristiwa Utama ke Arah Termeterai Perjanjian 1826". Dlm. Abdullah Zakaria Ghazali dan Mardiana Nordin (editor). *Kedah Warisan dan Sejarah*. Bangi: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Nordin Haji Mohd Zain. 1991. *Sejarah Pendidikan British dan Pelajaran Tinggi di Kedah*. Dlm. Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman. Alor Setar: Lembaga Muzium Negeri Kedah.
- Akhbar Penang Shinbun*. Isnin. 14 Disember 2606. (14.12.1942)
- Buyong Adli. 2020. *Sejarah Kedah. Edisi Semakan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bruce E Reynolds. 1990. "Aftermath of Allice: The Wartime Legacy in Thai-Japanese Relations". *JSEAH*. Vol. XXI. No. I. Mac.

- Che' Mustaffa Tam. Tuanku Nong Jiwa. 1960. "The last Kedah Bunga Mas." *Malaysian in History* 6.
- Fawzi Basri. 1983. Kosaku dan Operasi Matador Satu Kajian Mengenai Pertempuran Jepun-British di Kedah 1941-1942. Dlm. Khoo Kay Kim. *Beberapa Aspek Sejarah Kedah*. Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Harry Miller. 1969. *Putera Raja dan Perdana Menteri*. Kuala Lumpur: News Straits Times Press.
- Hodgson, G.A. 1971. "Mengenalkan Sejarah Kedah". Dlm. *Laporan Tahunan United Kedah Planting Association*. 1963. Terjemahan oleh Ismail Haji Salleh untuk "Buku Kenangan Hari Keputeraan Ke-45 DYMM Sultan Kedah". Kedah.
- Ibrahim Ismail. *Catitan Kedah*. 2007/0029405W.
- Ibrahim Ismail. 2008. *Sejarah Kedah Sepintas Lalu*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Itagaki, Yoichi. 1962. "Some Aspects of the Japanese Policy for Malays Under the Occupation with special Reference to Nationalism." Dlm. *Papers on Malayan History*, edited by K.G. Tregonning. Singapura: *Journal South-East Asian History*.
- J. Chandran. 1971. "Perjanjian 1909 Antara British Dengan Siam Serta Latar Belakangnya." *JEBAT*. Bil. 1. 1971/72.
- James Low diterjemahkan oleh Johan Ahmad. 2018. *Hikayat Merong Mahawangsa*, Pulau Pinang: Geroda Merah Press.
- John B. Hasseman. 1978. *The Thai Resistance Movement During the Second World War*. Japan: CellarBook.
- Jones, F.C. 1954. *Japan's New Order in East Asia: Its rise and fall. 1937-45*. London: Oxford University Press.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1991. *Sejarah Thai zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 2018. *Sejarah Thai zaman Bangkok 1767-1957 Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian. 1996. "Hubungan Thai-Jepun Semasa Perang Dunia Kedua dan Kesan-kesannya Kepada Negeri-negeri Melayu Utara." *JEBAT*. Vol, 24.
- Malai Sinpo*. 18 Disember 1943.
- Mazizah Md. Daris. (Pnys.). 2003. *Kedah Dulu-dulu*. Kedah: Perbadanan Perpustakaan Awam
- Mohamad Muzammil Mohamad Noor. 2012. *Guru Melayu dan Politik di Kedah 1940-1960*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Fadzil Hashim. 1975. "Sejarah Lisan Administrasi Thai di Kedah". *Chenderamata Minggu Sejarah Kedah 1975*. Kedah: PSMCK.
- Mohd Isa Othman. 2011. "Golongan Elit dan Pentadbiran Kedah Semasa Pendudukan Jepun dan Siam 1942-1945." *Kedah Dari Sejarah*. *Jurnal*



*Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK)*. Vol. XIII. Bil. 1. Disember.

- Mohd Isa Othman. 1992. *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. 942-1945: Tumpuan di Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Shariff Abu Samah. 2015. *Modenisasi Pentadbiran Negeri Kedah 1895-1957*. Kedah: UUM Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1996. "Tuntutan Iridenta Thai ke atas Negeri-Negeri Melayu Utara dan Reaksi Orang-orang Melayu dan British." *JEBAT. Vol, 24*.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1980. "Anglo American Negotiation on the Post-War Settlements with Siam: A Survey." *JEBAT. Vol, 10*.
- Office of Strategic. U.S State Department. "The Japanese Administration in Malaya." 8 Jun 1944. *BMA/ADM 9/1*. 1944.
- Rasyid Abdullah. (Pnys.). 1947. *SABERKAS*. Kedah: Arkib Negara Cawangan Utara.
- SC 10/2486: Occupation of Certain Malay Schools by the Thai Military
- SEC 103-2486, Applies for Cadetship, Kedah Civil Service.
- Sec 113/2486: Meeting of the State Council
- Sec 13/2486: Allotment of Government. Quarters with Furniture in the District for Thai Officers
- Sec 182/2487: Minutes of the Meeting of the Montri Spa
- Sec 22/2487: Allowance for His Highness the Sultan. 3/12/2487
- Sec 22-2486: Stationery for Kedah Gov. 30/10/2486
- Sec 477/2487: Proposed Grant of an Allowance to the Members of the Montri Spa
- Sec 63/2486: Order by His Excellency the Military High Commissioner. Kedah. Regarding the Administration of the State of Kedah. 19 Tulakom 2856.
- Sec 7-2486: Revenue & Expenditure for the Year 2487. 1<sup>st</sup> January to 31<sup>st</sup> December 2487, Ruling House Allowance
- Sec 720/2487: Allowance for Her Highness the Sultan. 5/7/2487
- Sec 720/2487: Allowance for Her Highness the Sultan. 16/8/2487
- SUK/K 138/86
- SUK/K 2443/2603
- SUK (K) 298/2602
- SUK/K 332/2602.16.7.2602. (17/7/1942)
- SUK/K 458/88
- SUK/K 52/2603. 24/2/2603 (24/2/1942)
- SUK/K 576/2487
- SUK/K 52/87
- SUK/K 745/87

Sharom Ahmat. "Kedah Siam Relations 1821-1905." *Journal of the Siam Society*. 59. 1 Januari, 1971. 97-117

Wan Shamsuddin Mohd Yusof. 2014. *Kedah dalam warisan sejarah dan budaya Nusantara*. Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.

### **Nota Biografi**

Nur Azrin Mohammed Mohayaddin (nurazrinmohayaddin@gmail.com) merupakan calon Sarjana di Jabatan Sejarah, Fakulti sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Skop bidang kajian beliau tertumpu kepada sejarah pentadbiran Thailand di Kedah pada tahun 1943-1945. Kini beliau sedang dalam cuti belajar bergaji penuh tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sebelum cuti belajar, beliau bertugas sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Taman Tun Dr. Ismail 1, Kuala Lumpur.

Adnan Jusoh (adnan.jusoh@fsk.upsi.edu.my) merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, UPSI dan bidang kepakaran beliau ialah Sejarah (Arkeologi dan Warisan). Beliau menerima pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran (UKM).